



LALUAN pejalan kaki yang dibuka semula kepada umum selepas ditutup sejak September lalu di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

PEMBUKAAN SEMULA JALAN MASJID INDIA

Puas hati laluan siar kaki ditambah baik

Kuala Lumpur: Pembukaan semula Jalan Masjid India, di sini, selepas insiden lubang benam disambut baik kerana memberi kemudahan kepada orang ramai sekali gus meningkatkan kehadiran pengunjung.

Tukang jahit yang mahu dikenali sebagai Aizat, 28, berkata pembukaan semula itu amat membantu pekerja dan pengunjung kerana memudahkan kenderaan untuk keluar dan masuk di laluan terbabit.

“Jika dahulu, masuk dan keluar hanya menggu-

nakan satu laluan di belakang. Sekarang, lebih mudah untuk masuk dan parkir kenderaan terutamanya bagi pekerja di kawasan ini.

“Contohnya, pada cuti umum semalam (kelmarin), banyak kereta diparkir dalam kawasan ini. Sebelum ini, pengunjung terpaksa berjalan jauh atau menggunakan laluan alternatif” katanya.

Katanya, dia berpuas hati dengan usaha pemulihan dilakukan De-

wan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana menambah baik

laluan siar kaki dengan memasang besi tambahan besi di sekitar kawasan itu.

Pekerja swasta, Syazelina, 22, berkata pembukaan semula lokasi berkenaan memudahkan orang ramai untuk membuat persiapan menjelang Ramadan yang bakal menjelang.

“Saya rasa pembukaan jalan berkenaan memang tepat pada masanya. Tetapi, kita juga perlu berhati-hati kerana bimbang jika sesuatu tidak diingini berlaku.

“Sejak pembukaan semula jalan, saya lihat berlaku peningkatan dalam jumlah pengunjung. Semoga tidak ada lagi kejadian yang boleh menjejaskan peniaga dan pengunjung,” katanya.

Pembekal barangan, Nik Zahiruddin, 28, berkata dia yakin bahawa jalan yang dibuka terbabit selamat untuk dilalui.

“Buat masa ini, saya yakin dengan tahap keselamatan selepas usaha pemulihan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan.

“Bagi memastikan keselamatan berterusan, saya rasa perlu ada langkah tambahan begi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini,” katanya.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan Jalan Masjid India yang ditutup untuk laluan orang ramai susulan insiden lubang benam dibuka sepenuhnya untuk orang ramai.

**Jalan yang
dibuka terbabit
selamat untuk dilalui**